

## **Pemerintah semak cara pastikan keperluan asas persaraan warga SG dipenuhi: Lawrence Wong**

***BERITA Mediacorp***, 16 January 2023

SINGAPURA: Pemerintah sedang menyemak cara untuk membantu golongan berusia 50-an dan awal 60-an tahun, memenuhi keperluan asas persaraan mereka.

Bercakap di persidangan Perspektif Singapura pada Isnin (16 Jan), Timbalan Perdana Menteri Lawrence Wong berkata peningkatan lanjut diperlukan untuk merapatkan apa yang digelar sebagai jurang persaraan.

"Pada akhirnya, kami mahu memberi jaminan kepada semua warga Singapura: selagi anda bekerja dan menyumbang secara konsisten kepada akaun CPF anda, anda boleh memenuhi keperluan asas persaraan anda.

"Bagi mereka yang tidak berupaya untuk bekerja, dan menabung melalui sistem CPF, kami akan mencari jalan menjaga anda.

"Beginilah cara kita mengukuhkan sistem berkongsi risiko secara berkumpulan dan memberikan semua orang ketenangan mengenai keperluan persaraan mereka apabila mereka semakin tua," kata Encik Wong.

Tambah beliau, adalah penting untuk mempertingkatkan jangkaan pekerjaan dan kemajuan kerjaya bagi golongan karyawan dan teknisyen.

Ia juga bertujuan memastikan pendapatan tidak sama rata, kekal rendah.

Ini kerana gaji permulaan bagi siswazah adalah dua kali ganda lulusan ITE.

"Ini bukan hanya berkenaan penyusunan semula pasaran buruh. Ia juga melibatkan anjakan tanggapan mengenai pekerjaan dan takrifan lebih meluas bagi "pekerjaan yang baik"; bagi kita mengiktiraf kemahiran dan kecekapan seseorang dan bukan terlalu menumpukan perhatian kepada kelayakan kertas," kata Encik Wong.